



JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN

Aras 5, Wisma Persekutuan, Jalan Bayam,
15590 Kota Bharu, Kelantan.
<http://jknkelantan.moh.gov.my>

Telefon: 09-7413300

09-7413400

09-7413406

09-7413407

Fax: 09-7441333

Pengarah Kesihatan Negeri (Talian Terus): 09-7443960

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan, Kementerian Kerja Raya Malaysia (BPKU) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang masih sah tempohnya untuk memasuki sebut harga seperti berikut:-

Tajuk Kerja	Taraf Syarikat	Kelas	Kategori / Pengkhususan	Tarikh Tutup
Kerja-Kerja Menaiktaraf Bilik Mesyuarat / Ruang Bilik Latihan Cawangan Pendidikan Kesihatan Sediada. (No. Sebut Harga : JKNK/SH/K/CPK/04/2021)	Bumiputera	CIDB: G1	Kategori : B Pengkhususan: B04 & B28	17/05/2021 (Isnin) Jam 12.00 Tengahari

2. Pendaftaran kontraktor adalah melalui atas talian (online) dengan membuat pendaftaran di *Google Form* pada capaian berikut: <https://forms.gle/fwZBTj4ZPLm6o3i49>
3. Kontraktor boleh membuat pendaftaran kehadiran dengan mengisi *Google Form* tersebut bermula pada **04/05/2021 jam 12.00 tengahari sehingga 08/05/2021 jam 12.00 tengahari**. Pendaftaran sebelum dan selepas tarikh serta masa yang ditetapkan **TIDAK** akan diterima.
4. Pendaftaran kehadiran melalui **Google Forms** adalah **WAJIB**. Hanya kontraktor yang membuat pengesahan pendaftaran sahaja yang layak menghadiri lawatan tapak dan dibekalkan dokumen sebut harga.
5. Dokumen sebut harga daripada kontraktor yang berdaftar melalui *Google Forms* sahaja yang akan diterima dan seterusnya membolehkan sebut harga mereka dibuat penilaian.
6. Hanya **Pemegang Lesen** sahaja dikehendaki hadir taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan di **Cawangan Pendidikan Kesihatan, Jalan Maktab, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan** pada **10/05/2021 (Isnin) jam 10.00 pagi**.

7. Kontraktor yang berdaftar akan dijemput hadir ke taklimat dan lawatan tapak **melalui emel mengikut jadual yang telah ditetapkan** bagi mengelakkan terlalu ramai peserta bersama pada satu masa. Sila pastikan kontraktor telah berdaftar **emel yang betul** dalam *Google Forms*.
8. Semua kontraktor yang hadir lawatan tapak perlu mematuhi **Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Penularan COVID-19** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Manual Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN).
9. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis Nombor Sebut Harga, Nama Sebut Harga serta tarikh tutup dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada **17/05/2021 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengahari di Unit Pembangunan, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Aras 5 Wisma Persekutuan, Jalan Bayam, 15590 Kota Bharu, Kelantan.**
10. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.

Unit Pembangunan
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tel : 09 - 7417 125
Emel : unitpembangunanjknk@gmail.com

Bertarikh : 3 Mei 2021